

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (JEREBU LANDA MALAYSIA)

TARIKH: 19 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 03

Operasi padam kebakaran ditangguh

KUCHING - Sebuah helikopter milik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang sepatutnya terbang dari Miri untuk operasi pemadaman kebakaran tanah gambut di Sri Aman dan Betong di sini terpaksa berpatah balik akibat jerebu.

Pengarah JBPM Sarawak, Khirudin Drahan berkata, helikopter berkenaan terbang dari Unit Udara Bomba dan Penyelamat, Miri pagi semalam namun terpaksa berpatah balik sebaik tiba di kawasan Niah disebabkan jarak penglihatan di udara hanya sekitar 500 meter.

"Justeru atas nasihat Kawalan Trafik Udara demi keselamatan kru, walaupun mereka berusaha untuk bantu kita tetapi mereka terpaksa berpatah balik," katanya di sini semalam.

Selain helikopter berkenaan, sebuah

lagi aset udara iaitu pesawat Bombardier CL-415 milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dikerahkan ke dua kawasan berkenaan bagi memadam kebakaran di tiga lokasi iaitu Kampung STC, Jalan Tisak Beyong dan Jalan Kejatau.

"Kampung STC berdekatan dengan bandar Sri Aman, dua lagi adalah kawasan separuh ladang dan separuh hutan, kita diminta tangani segera supaya tidak jadi penyumbang kepada jerebu," katanya.

Mengenai pesawat Bombardier yang tiba di Unit Udara Tentera Udara Diraja Malaysia Kuching daripada Miri pagi semalam, Khirudin berkata, ia akan memulakan operasi pemadaman sebaik persediaan logistik dan taklimat selesai diadakan. - *Bernama*